
**MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
JABATAN UKUR DAN PEMETAAN PAHANG**

(NOMBOR PENDAFTARAN: 3648 014)

AHLI-AHLI
MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
JABATAN UKUR DAN PEMETAAN (JUPEM) PAHANG
(Berkuatkuasa mulai 29 Mei 2022)

Pihak Pegawai (Pengurusan):

1. Sr Azlim Khan bin Abdul Raof Khan, FRISM - Pengerusi
Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang
2. Sr Akhbaaruddun bin Abd. Hamid - Ahli
Timbalan Pengarah Ukur dan Pemetaan I
3. Sr Mohd Rosli bin Ab Rahman - Ahli
Timbalan Pengarah Ukur dan Pemetaan II
4. Sr Mas Sazali bin Hashim - Ahli
Juruukur Daerah Pahang Tengah
5. Sr Muhammad Azwan Shah bin Iberahim - Ahli
Juruukur Daerah Pahang Barat
6. Sr Dr. Kelvin Tang Kang Wee - Ahli
Juruukur Daerah Pahang Selatan
7. Badrul Hisham bin Bohari - Ahli
Penolong Pengarah Ukur
Seksyen Penerbitan Peta Kadaster
8. Puan Nor Aizam binti Ahmad Bhari - Ahli
Pegawai Teknologi Maklumat

- | | | |
|-----|---|--------------|
| 9. | Sr Sarah binti Shaharuddin
Penolong Pengarah Ukur
Seksyen Kadaster Pelbagai | - Ahli |
| 10. | Mohd Norazli bin Kamarudiin
Penolong Pengarah Ukur
Seksyen Strata/Staratum/Marin | - Ahli |
| 11. | Sr Nusrah binti Razab
Penolong Pengarah Ukur
Seksyen Ukuran Hakmilik Tanah | - Ahli |
| 12. | Sr Fauzani binti Azam
Penolong Pengarah Ukur
Seksyen Pangkalan Data Ukur Kadaster | -Ahli |
| 13. | Sr Hidayatul Aishah Ku'on binti Abdullah
Juruukur Daerah Pahang Timur | - Setiausaha |

Pihak Pekerja:

- | | | |
|----|---|----------------------|
| 1. | Encik Ariffin bin Mohamad, PJK
Pembantu Operasi, Gred N14 | - Naib Pengerusi |
| 2. | Puan Noraini binti Salim
Pembantu Tadbir (P.O), N19 | - Setiausaha Bersama |
| 3. | Encik Nordin bin Embong
Penolong Juruukur, JA38
(Wakil Ibu Pejabat) | - Ahli |

- | | | |
|-----|--|--------|
| 4. | Puan Nor Azlawati binti Ab. Halim
Penolong Juruukur, JA36
(Wakil Ibu Pejabat) | - Ahli |
| 5. | Khairurijan Bin Midun
Penolong Juruukur JA29
(Wakil Ibu Pejabat) | - Ahli |
| 6. | Nor Arniza binti Arafin
Penolong Juruukur JA29
(Wakil Ibu Pejabat) | -Ahli |
| 7. | Encik Mohd Safie bin Zulkefli
Penolong Juruukur, JA29
(Wakil PUD Pahang Barat) | -Ahli |
| 8. | Mohamad Noor Husaini bin Daud
Penolong Juruukur, JA29
(Wakil PUD Pahang Selatan) | -Ahli |
| 9. | Encik Rosly bin Jaamat
Pembantu Awam, Gred H11
(Wakil PUD Pahang Timur) | - Ahli |
| 10. | Encik Rosdi bin Harun
Pembantu Awam, Gred H16
(Wakil PUD Pahang Tengah) | -Ahli |

- | | | |
|-----|---|--------|
| 11. | Encik Sukri bin Zaidin
Pembantu Awam, Gred H11
(Wakil PUD Pahang Barat) | - Ahli |
| 12. | Encik Ahmad Azral Mubi bin Mat
Pembantu Awam H11
(Wakil PUD Pahang Selatan) | -Ahli |
| 13. | Ahmad Radzi bin Mat Sarit
Pemandu Kenderaan H11 | -Ahli |

Dikemaskinikan oleh:

Setiausaha dan Setiausaha Bersama MBJ

Jabatan Ukur dan Pemetaan Pahang

Tarikh: 26 Mei 2022

**PERLEMBAGAAN MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
JABATAN UKUR DAN PEMETAAN PAHANG**

1. PENDAHULUAN

Perlembagaan ini adalah sebagai garis panduan bagi mengendalikan Majlis Bersama Jabatan, Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Pahang.

2. KEAHLIAN

Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) Negeri Pahang (selepas ini disebut sebagai "Majlis") hendaklah terdiri daripada 26 orang ahli termasuk Pengerusi, Naib Pengerusi dan Setiausaha-Setiausaha Bersama. Daripada jumlah tersebut, seramai 13 ahli hendaklah dilantik oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang (selepas ini disebut sebagai "Pihak Pengurusan") manakala 13 orang lagi hendaklah dipilih dalam kalangan pekerjapekerja yang berkhidmat di JUPEM Pahang (selepas ini disebut sebagai "Pihak Pekerja").

3. KEAHLIAN DI PIHAK PEGAWAI

3.1 Ahli-ahli Pihak Pengurusan hendaklah terdiri daripada pegawai-pegawai JUPEM Pahang seperti berikut :-

- | | | |
|-----|---|-------------|
| (a) | Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang | - Pengerusi |
| (b) | Timbalan Pengarah Ukur dan Pemetaan I | - Ahli |
| (c) | Timbalan Pengarah Ukur dan Pemetaan II | - Ahli |
| (d) | Jurukur Daerah Pahang Timur | - Ahli |
| (e) | Jurukur Daerah Pahang Tengah | - Ahli |
| (f) | Jurukur Daerah Pahang Barat | - Ahli |
| (g) | Jurukur Daerah Pahang Selatan | - Ahli |
| (h) | Penolong Pengarah Ukur (Ukuran Hakmilik) | - Ahli |
| (i) | Penolong Pengarah Ukur (Pangkalan Data Kadaster) | - Ahli |
| (j) | Penolong Pengarah Ukur (Strata/Stratum/Marin) | - Ahli |
| (k) | Penolong Pengarah Ukur (Kadaster Pelbagai) | - Ahli |
| (l) | Penolong Pengarah Ukur (Penerbitan Peta Kadaster) | - Ahli |
| (m) | Pegawai Teknologi Maklumat | - Ahli |

3.2 Pegawai-pegawai ini hendaklah dilantik atas nama jawatan masing-masing.

3.3 Seorang Ahli hendaklah dilantik sebagai Setiausaha Bersama (Pihak Pengurusan) oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang.

4. KEAHLIAN DI PIHAK PEKERJA

4.1 Ahli-ahli bagi Pihak Pekerja hendaklah terdiri daripada pekerja-pekerja yang sedang berkhidmat di JUPEM Pahang dan dilantik oleh pekerja-pekerja tersebut

4.2 Jika para pekerja ada menganggotai kesatuan-kesatuan sekerja atau persatuan-persatuan kakitangan berdaftar seperti *Malayan Technical Services Union (MTSU)* atau *Amalgamated Union of Employees in Government Clerical and Allied Grades* maka ahli-ahli bagi Pihak Pekerja bolehlah terdiri daripada mereka yang dilantik oleh kesatuan sekerja atau persatuan kakitangan berdaftar tersebut.

4.3 Pemilihan ahli-ahli bagi Pihak Pekerja hendaklah mengikut agihan seperti berikut :

(a) 2 orang wakil Penolong Juruukur, JA38 dan Penolong Juruukur, JA36;

(b) 2 orang wakil Penolong Juruukur, JA29 yang bertugas di Ibu Pejabat JUPEM Pahang (lelaki dan wanita);

(c) 1 orang wakil Penolong Juruukur, JA29 yang bertugas di Pejabat Ukur Daerah (wakil Pegawai Kerjaluar);

(d) 1 orang wakil Perkeranian dan Stor;

(e) 2 orang wakil Pembantu Operasi dan Pemandu;

(f) 4 orang wakil Pembantu Awam / Pejabat Ukur Daerah; dan

(g) 1 orang wakil MTSU.

4.4 Pemilihan Pengerusi dan Setiausaha bagi Pihak Pekerja hendaklah dibuat di dalam mesyuarat pertama yang akan dipanggil oleh Setiausaha Pihak Pekerja.

4.5 Perlantikan ahli-ahli bagi Pihak Pekerja hendaklah diluluskan oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang.

4.6 Kekosongan yang berlaku di dalam keanggotaan Pihak Pekerja hendaklah dipenuhi oleh calon-calon daripada kesatuan/persatuan yang melantik wakil yang mengosongkan jawatan itu atau pekerja-pekerja itu sendiri.

4.7 Ahli-ahli bagi Pihak Pekerja hendaklah memegang jawatan selama tempoh 2 tahun mulai daripada tarikh perlantikan mereka dan mereka boleh terus memegang jawatan tersebut sehingga ahli-ahli yang akan mengambil alih telah dilantik atau dipilih.

5. PEGAWAI-PEGAWAI MAJLIS

Pegawai-Pegawai Majlis adalah terdiri daripada Pengerusi, Naib Pengerusi dan Setiausaha Bersama. Naib Pengerusi hendaklah terdiri daripada ahli yang dipilih dan menjadi Pengerusi bagi Pihak Pekerja. Setiausaha Pihak Pegawai dan Setiausaha Pihak Pekerja menjadi Setiausaha Bersama bagi Majlis ini.

6. TUJUAN MAJLIS

Tujuan Majlis adalah seperti berikut :-

- a) Untuk mewujudkan ruang kerjasama serta mengekalkan suasana harmoni antara pegawai-pegawai dan kakitangan yang bekerja di JUPEM Pahang mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan kelancaran kerja dan kebajikan pekerja-pekerja;
- b) Untuk mengadakan jentera bagi menguruskan hal berkaitan syarat-syarat bekerja; dan
- c) Untuk mengumpul buah fikiran daripada pekerja-pekerja dengan wakil-waki rasmi Jabatan Ukur dan Pemetaan Pahang.

7. BIDANG DAN FUNGSI MAJLIS

Bidang dan fungsi Majlis hendaklah tertumpu hanya kepada perkara-perkara yang termasuk di dalam bidang kuasa Majlis seperti berikut :-

- a) Membincang dan memutuskan perkara-perkara mengenai syarat-syarat bekerja yang ada berkaitan dengan pentadbiran yang berkenaan kecuali semua perkara mengenai pekerja-pekerja perseorangan;
- b) Membolehkan kakitangan mengambil bahagian dan lebih bertanggungjawab di atas perkara-perkara mengenai kerja-kerja mereka dan mematuhi syarat-syarat di bawah mana tugas-tugas mereka dijalankan;
- c) Menggalakkan penglibatan kakitangan menerusi pengambilan bahagian dalam perbincangan untuk mendapat pengetahuan yang lebih lagi mengenai pentadbiran berbagai Jabatan; dan
- d) Mengadakan kemudahan bagi memperbaiki perjalanan dan organisasi pejabat serta peruntukan menerima cadangan dan syor-syor dari kakitangan mengenai perkara ini.

8. MESYUARAT-MESYUARAT

- 8.1 Mesyuarat-mesyuarat biasa bagi Majlis hendaklah diadakan 3 bulan sekali mengikut jadual yang ditetapkan pada awal setiap tahun.
- 8.2 Korum bagi mesyuarat Majlis hendaklah tidak kurang daripada 4 ahli Pihak Pegawai dan 5 ahli Pihak Pekerja.
- 8.3 Edaran surat bagi mengumpul usul untuk dibawa ke dalam mesyuarat Majlis perlu dikeluarkan oleh Pihak Pekerja sebelum mesyuarat berlangsung.
- 8.4 Agenda bagi mesyuarat-mesyuarat Majlis hendaklah disediakan Setiausaha Bersama dan dihantar kepada pihak masing-masing tidak kurang daripada 7 hari sebelum mesyuarat. Perkara-perkara yang tidak termasuk di dalam agenda hanya boleh dibincangkan dengan kebenaran Pengerusi dan Naib Pengerusi.

8.5 Agenda tetap mesyuarat adalah seperti berikut :

- i) Ucapan Pengerusi dan Naib Pengerusi
- ii) Pengesahan minit mesyuarat sebelumnya
- iii) Perkara berbangkit
- iv) Usul-usul baru yang dibawa oleh Pihak Pekerja
- v) Hal-hal lain

8.6 Pengerusi mesyuarat-mesyuarat Majlis ialah Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang. Mana-mana mesyuarat yang tidak dapat dihadiri oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang, tugas Pengerusi diambil alih oleh Timbalan Pengarah Ukur dan Pemetaan I.

8.7 Minit Mesyuarat serta status penyelesaian ke atas perkara-perkara berbangkit hendaklah dikemukakan ke Seksyen Perancangan dan Dasar (Bahagian Perancangan dan Korporat), Ibu Pejabat JUPEM dalam tempoh 7 hari daripada tarikh mesyuarat diadakan.

8.8 Mesyuarat khas Majlis boleh diadakan dengan permintaan Pengerusi atau Naib Pengerusi bila dikehendaki. Tarikh mesyuarat tersebut hendaklah dipersetujui oleh pegawai-pegawai Majlis. Perkara-perkara yang dibincangkan hendaklah terhad kepada perkara-perkara yang dinyatakan dalam notis mesyuarat khas tersebut.

8.9 Kehadiran setiap ahli mesyuarat adalah diwajibkan. Jika ahli tidak hadir mesyuarat 3 kali berturut-turut tanpa sebab atau notis, beliau boleh digugurkan daripada menjadi ahli Majlis dan tempatnya hendaklah digantikan.

9. KEPUTUSAN MAJLIS

9.1 Sebarang keputusan Majlis hendaklah dicapai secara persetujuan bersama kedua-dua belah pihak.

9.2 Keputusan yang diambil jika tidak ada hubungan dengan Jabatan lain dan tidak pula bertelingkah dengan dasar Kerajaan bolehlah disenggarakan atau dilaksanakan terus oleh Jabatan Ukur dan


Pemetaan Pahang. Bagi keputusan yang ada kaitan dengan dasar Kerajaan ataupun dengan Jabatan lain, ia hendaklah dirujuk kepada Jabatan yang berkenaan ataupun Jabatan Perkhidmatan Awam.

10. PINDAAN KEPADA PERLEMBAGAAN

Perlembagaan Majlis boleh dipinda di dalam mesyuarat Majlis. Notis dan perkara mengenai pindaan hendaklah diberi dan diedar kepada ahli-ahli Majlis sekurang-kurangnya sebulan sebelum tarikh mesyuarat.




.....
Sr Azlin Khan bin Abdul Raof Khan, FRISM
Pengerusi
MBJ JUPEM Pahang



..... 1.
Encik Arifin bin Mohamad, PJK
Naib Pengerusi
MBJ JUPEM Pahang



.....
Sr Hidayatul Aishah Ku'on binti Abdullah
Setiausaha Bersama (Pihak Pengurusan)
MBJ JUPEM Pahang



.....
Puan Noraini binti Salim
Setiausaha Bersama (Pihak Pekerja)
MBJ JUPEM Pahang